



**'Shariah Life' bimbing belia
seimbang dunia digital dan
tuntutan agama**

**Kelantan sokong agenda AI
negara lahir bakat digital
generasi masa depan**

**Pesta Flora Kelantan 2026 dijangka
jadi pemangkin industri florikultur dan
pelancongan negeri**

Mahasiswa perlu berani berfikir, luas membaca dan matang menilai -MB Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 29 Julai – Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud mengingatkan mahasiswa agar menjadi golongan yang berani berfikir, luas membaca dan matang menilai.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan mahasiswa agar menjadi pengguna media sosial secara bijaksana demi melahirkan generasi yang mampu mencorakkan masa depan negara berteraskan ilmu, adab dan integriti.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan sesi santai bersama Mahasiswa Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ikatan Universiti Islam Selangor dan Persatuan Anak Kelantan di Perantauan (PERAKAN) Malaysia Cawangan Bangi, di sebuah restoran di Bangi, pada Selasa.

Menurutnya, dunia kampus



bukan sekadar tempat mengejar segulung ijazah, sebaliknya merupakan medan terbaik untuk membina jati diri, memupuk kepimpinan dan memperkukuh jaringan ukhawah sebagai bekalan menghadapi cabaran masa hadapan.

“Jadilah mahasiswa yang berani berfikir, luas membaca dan matang menilai. Jangan sekadar menjadi pengguna media sosial, tetapi jadilah generasi yang mampu mencorakkan masa depan negara

dengan ilmu, adab dan integriti,” katanya menerusi media sosial, semalam.

Beliau berkata, pertemuan yang berlangsung dalam suasana santai itu membuka ruang kepada pertukaran pandangan dan perkongsian pengalaman yang bermanfaat antara pemimpin negeri dengan golongan mahasiswa.

Katanya lagi, mahasiswa merupakan aset penting negeri dan negara yang perlu dipersiapkan

“

Jadilah mahasiswa yang berani berfikir, luas membaca dan matang menilai. Jangan sekadar menjadi pengguna media sosial, tetapi jadilah generasi yang mampu mencorakkan masa depan negara dengan ilmu, adab dan integriti,”

dengan kecemerlangan akademik dan diperkasakan dengan nilai kepimpinan, sahsiah terpuji serta pemikiran kritis bagi menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada penganjur dan semua mahasiswa yang hadir serta berharap mereka terus melakar kecemerlangan sebagai generasi pewaris yang memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara.



Jemaah Islam wajib berpaksikan hukum, adab dan syariat - TMB Kelantan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 30 Julai – Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Mohamed Fadzli Hassan menegaskan setiap gerak kerja dalam sebuah jemaah Islam mesti berpaksikan hukum, adab dan syariat dengan menjadikan al-Quran serta sunnah Rasulullah SAW sebagai panduan utama perjuangan.

Beliau berkata perjuangan haraki perlu difahami sebagai sebuah harakah Islamiah yang tidak boleh dipisahkan daripada landasan syariat dalam setiap tindakan dan keputusan.

“Perjuangan Islam ini sebenarn-

ya adalah jemaah dan harakah Islamiah. Jadi, sebagai sebuah jemaah Islam kita mempunyai hukum, adab, panduan dan landasan. Panduan serta landasan itu ialah al-Quran dan Sirah Nabi Muhammad SAW,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan kemenangan siasah tidak boleh dicapai dengan menggadai prinsip perjuangan Islam walaupun peluang untuk menang berada di hadapan mata.

Menurutnya jika sesuatu tindakan memerlukan perjuangan melangkaui batas yang ditetapkan syariat, maka umat Islam wajib meninggalkan jalan tersebut kerana matlamat tidak pernah menghalalkan cara.

“Kita mungkin hanya selangkah menuju kemenangan namun jika untuk mencapainya kita perlu melangkaui garis sempadan yang ditetapkan syariat jawapannya tetap tidak. Kita terpaksa berundur,” jelasnya.

Beliau juga menyeru seluruh umat Islam mengingati sejarah perjuangan Rasulullah SAW yang membuktikan prinsip Islam sentiasa diutamakan apabila Baginda menolak tawaran untuk menjadi pemerintah di Mekah kerana tidak bertepatan dengan manhaj perjuangan Islam.

Dalam pada itu beliau turut mengingatkan seluruh ahli jemaah supaya memelihara ukhuwah dan menjauhi budaya persaingan yang boleh merosakkan hubungan sesa-

ma pejuang.

Katanya anggota harakah Islamiah tidak boleh bersikap saling menjatuhkan demi kepentingan peribadi atau kedudukan.

“Apabila kita berada dalam jemaah Islam kita tidak boleh kembali ke dalam jemaah kita lalu saling melawan sahabat seperjuangan semata-mata untuk naik.

“Ini bukan akhlak, bukan syahsiyah, bukan adab dan bukan adat kita sebagai seorang pejuang dalam harakah Islamiah,” ujarnya.



‘Shariah Life’ bimbing belia seimbang dunia digital dan tuntutan agama

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 26 Julai – Pendekatan Shariah Life terus diperkasakan sebagai medium membimbing generasi muda agar mampu menyeimbangkan perkembangan dunia digital dengan tuntutan agama, sekali gus melahirkan belia yang berakhlak, berdisiplin dan berpegang teguh kepada syariat Islam.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata pendekatan tersebut membuktikan aktiviti yang menjadi minat golongan belia termasuk e-sukan boleh dimanfaatkan sebagai platform dakwah sekiranya dipandu dengan nilai-nilai Islam.

Menurutnya, golongan belia bebas berhibur dan mengikuti perkembangan teknologi semasa namun tanggungjawab terhadap agama tidak boleh diketepikan.

“Anak-anak muda hendaklah sentiasa menjaga solat, mengurus masa belajar dengan berdisiplin,



menghormati ibu bapa dan guru serta berakhlak baik dengan semua orang.

“Kita ingin bermain, berhibur dan bersuka ria, silakan asalkan selari dengan tuntutan syariah. Main, main juga, akhirat jangan lupa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat dan merasmikan Program Jelajah Shariah Life: Techno Daie – Pertandingan E-Sport Mobile Legend Belia Jajahan Tumpat Siri 3/2026 di Dewan Masjid SBJ Putra Pasir Pekan, Tumpat, semalam.

Menurutnya, pendekatan Shari-

ah Life yang diterapkan Kerajaan Negeri memberi penekanan kepada pembentukan sahsiah dan kefahaman agama melalui kaedah yang lebih dekat dengan jiwa serta minat generasi muda.

“Dakwah pada hari ini perlu disampaikan secara kreatif dan bersesuaian dengan perubahan zaman supaya mesej Islam dapat diterima dengan lebih berkesan tanpa mengabaikan prinsip syariah.

“Program seperti ini menjadi wadah membentuk jati diri belia agar celik teknologi, berakhlak mulia dan sentiasa meletakkan syariat sebagai panduan dalam ke-

hidupan,” katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Bahagian Dakwah JAHEAIK, Pejabat Agama Jajahan Tumpat dan Masjid SBJ Putra atas komitmen menganjurkan program yang menggabungkan elemen teknologi, dakwah dan pembangunan belia.

Beliau berharap usaha seumpama itu diperluaskan sebagai sebahagian daripada agenda melahirkan generasi digital yang mahir teknologi dan memiliki pegangan agama yang kukuh dan mampu menjadi contoh kepada masyarakat.



PKPNK adakan jualan ladang di Agrovalley Rong Chenok pada 1 Ogos

Oleh: Asri Hamat

PASIR MAS, 26 Julai – Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) akan mengadakan jualan ladang di Agrovalley Rong Chenok, di sini, pada Sabtu, 1 Ogos ini, bermula pukul 8 pagi hingga 3 petang bagi memperkenalkan pusat agropelancongan itu kepada orang ramai.

Sehubungan itu, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, program itu menghimpunkan pelbagai hasil tanaman dan ternakan keluaran PKPNK yang dijual terus kepada pengguna pada harga ladang.

Katanya, antara hasil yang ditawarkan ialah sayuran seperti salad, sawi dan cili kulai, selain buah Malon Madu Kelantan (MMK) daripada tiga varieti, buah tin, benih pokok tin, ayam segar, ikan tilapia, ikan keli serta benih ikan tilapia.

“Buah Malon Madu Kelantan bersaiz premium dijual pada harga RM13 sekilogram, manakala saiz biasa RM10 sekilogram.

“Salad pula dijual pada harga RM4 sekilogram dan sawi RM2 bagi setiap 250 gram serta cili dijual pada harga RM8 sekilogram. Tanaman salad dan sawi diusahakan menggunakan sistem hidroponik yang selamat daripada bahan beracun,” katanya kepada media



sempena lawatan beliau ke Ladang Agrovalley Rong Chenok, hari ini.

Tambahnya, ayam segar dijual pada harga RM7 sekilogram, manakala ikan tilapia RM8 sekilogram.

Di samping itu, bagi benih ikan tilapia bersaiz tiga inci dijual pada harga 35 sen seekor manakala benih bersaiz empat inci berharga 40 sen seekor.

Menurutnya lagi, pengunjung yang hadir turut berpeluang memetik sendiri malon yang ditanam di dalam 2,400 polibeg di tiga rumah hijau serta hasil tanaman lain di kawasan Agrovalley Rong Chenok.

Jelasnya, program itu turut disertai dua usahawan RISDA yang akan memasarkan pelbagai produk, selain dua usahawan tempatan yang menjual makanan, minuman dan buah-buahan.

“Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga akan mengadakan jualan

daging rusa dan daging lembu segar sempena operasi ladang rusa di kawasan ini,” jelasnya.

Mengulas perkembangan dan hala tuju Agrovalley Rong Chenok, Dato' Tuan Mohd Saripudin memaklumkan, tanah kawasan itu akan dibangunkan semaksimumnya secara berperingkat sebagai hab pertanian dan agropelancongan yang lebih komprehensif.

Katanya, antara projek yang sedang dan akan dilaksanakan ialah tanaman jagung bijian seluas lebih 30 ekar, kawasan tanaman bunga berasaskan spesies nanas, penternakan lembu hibrid kacukan Charolais dan lembu Kelantan-Kedah (KK), selain pusat ternakan rusa milik Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Menurutnya, keseluruhan kawasan pembangunan Agrovalley Rong Chenok melibatkan kira-kira 600 ekar, merangkumi 350 ekar milik PKPNK dan 250 ekar

di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang kini menempatkan lebih 400 ekor rusa.

Katanya lagi, pelan induk pembangunan kawasan itu sedang disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bersama PlanMalaysia, termasuk pembinaan jalan masuk, dewan terbuka dan kemudahan lain bagi menyokong pembangunan agropelancongan.

“Cadangan pembangunan ini telah dibentangkan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan dianggarkan memerlukan peruntukan melebihi RM10 juta bagi menyiapkan kemudahan yang dirancang,” jelasnya.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif PKPNK, Nik Razak Nik Hassan, Pegawai Khas Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Ts Mohd Nasir Jamaluddin Ab Rahaman serta pegawai PKPNK.



Pastikan perawat alternatif berdaftar dan diiktiraf, patuhi Akta 775



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 28 Julai – Orang ramai yang ingin mendapatkan khidmat perawat alternatif diingatkan supaya memastikan perawat yang dipilih telah berdaftar

ar serta diiktiraf oleh pihak berkualiti.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata di Malaysia, pelaksanaan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775) menetapkan pengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf termasuk amalan Perawat Islam, diwajibkan berdaftar dengan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Selain itu, pengamal juga per-

lu memiliki Sijil Amalan sebelum boleh menawarkan perkhidmatan rawatan kepada orang awam.

“Mengamal tanpa pendaftaran apabila pendaftaran diwajibkan merupakan satu kesalahan di bawah Akta 775,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Menurutnya, individu yang didapati mengamal tanpa berdaftar boleh dikenakan tindakan undang-undang, termasuk denda sehingga RM30,000 atau penjara sehingga dua tahun, atau kedua-duanya sekali.

Sehubungan itu, beliau me-

nasihatkan orang ramai supaya mendapatkan khidmat perawat alternatif hanya daripada pengamal yang telah berdaftar dan diiktiraf mengikut peruntukan undang-undang bagi memastikan perkhidmatan yang diterima mematuhi keperluan yang ditetapkan.



Sekolah mesti kekal ruang paling selamat bentuk sahsiah, masa depan murid –Dato' Mohd Amar



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 27 Julai – Institusi sekolah perlu kekal menjadi tempat paling selamat untuk membentuk sahsiah dan masa depan generasi muda, susulan beberapa insiden membabitkan murid yang dilaporkan berlaku sejak kebelakangan ini.

Speaker Dewan Negeri Kelantan YB Dato' Sri Amar D'Raja Dato' (Dr.) Mohd Amar Abdullah

berkata, kejadian seperti tikaman, ancaman menggunakan senjata, pergaduhan, buli dan murid terjatuh dari bangunan sekolah telah menimbulkan kebimbangan masyarakat terhadap aspek keselamatan serta kesejahteraan anak-anak di sekolah.

Menurutnya, setiap kejadian mempunyai latar belakang dan keadaan yang berbeza, malah sebahagiannya masih dalam siasatan pihak berkuasa, justeru ia tidak wajar dijadikan asas untuk membuat kesimpulan bahawa semua berpunca daripada kelemahan yang sama.

“Perkembangan ini tidak boleh dipandang ringan. Walaupun setiap kejadian mempunyai latar belakang dan keadaan yang berbeza, hal ini sewajarnya menjadi perin-

gatan kepada semua pihak untuk memperkukuh perlindungan terhadap murid secara menyeluruh,” katanya di laman rasmi, pada 21 Julai.

Beliau berkata, sekolah berperanan sebagai tempat menimba ilmu dan menjadi institusi penting dalam membentuk jati diri dan masa hadapan anak-anak.

“Sekolah mestilah menjadi antara tempat paling selamat untuk pembentukan diri dan masa hadapan anak-anak. Kepercayaan ibu bapa yang menghantar anak-anak ke sekolah perlu dipelihara dengan memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan mereka sentiasa menjadi keutamaan,” jelasnya.

Dato' Mohd Amar berkata, sudah tiba masanya keberkesanan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan dinilai secara objektif selepas hampir empat dekad diperkenalkan bagi memastikan matlamat asalnya benar-benar diterjemahkan dalam sistem pendidikan negara.

“Kejayaan pendidikan bukan sekadar diukur melalui pencapaian akademik, tetapi juga keupayaannya melahirkan insan yang berilmu, beradab dan berintegriti,” ujarnya.

Beliau berharap semua pihak termasuk kerajaan, pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat dapat berganding bahu memastikan institusi pendidikan terus menjadi persekitaran yang selamat, kondusif serta mampu melahirkan generasi berakhlak mulia, berintegriti dan seimbang dari segi ilmu serta sahsiah.

Politik Islam bermula dengan pembinaan insan bukan perebutan kuasa – Dato' Mohd Amar

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 28 Julai – Politik Islam bermula dengan pembinaan insan yang mengenal Allah SWT melalui ilmu, akidah, akhlak dan amanah bukan di medan pilihan raya atau apabila seseorang memegang tampuk pemerintahan.

Demikian kenyataan Speaker Dewan Negeri Kelantan YB Dato' Sri Amar D'Raja Dato' (Dr.) Mohd Amar Abdullah menerusi media sosial, semalam.

Menurutnya, asas tersebut menjadi tunjang kepada pembentukan pemimpin yang adil, pentadbir yang amanah serta masyarakat yang mampu menegakkan keadilan.

“Politik Islam tidak bermula di medan pilihan raya atau apabila seseorang memegang tampuk pemerintahan.

“Politik Islam bermula ketika manusia dididik mengenal Allah SWT melalui ilmu, kemudian membina akidah, akhlak dan amanah dalam dirinya,” katanya.

Beliau menjelaskan, perintah pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui



Surah al-'Alaq membawa mesej yang amat besar kepada manusia apabila Allah SWT memerintahkan supaya manusia membaca dengan nama Tuhan yang menciptakan seluruh alam.

Menurutnya, susunan tersebut menunjukkan bahawa Islam tidak pernah memisahkan ilmu daripada wahyu kerana ilmu yang benar ialah ilmu yang mendekatkan manusia kepada Penciptanya.

“Semakin luas pengetahuan seseorang, semakin bertambah rasa kehambaan dan tanggungjawabnya kepada Allah SWT,” tegasnya.

Dato' Mohd Amar juga mengingatkan, kemajuan teknologi termasuk perkembangan pesat kecerdasan buatan (AI) merupakan nikmat Allah SWT yang perlu

dimanfaatkan ke arah kebaikan. Namun, tanpa bimbingan agama, ilmu dan kepakaran boleh disalahgunakan sehingga membawa kerosakan kepada masyarakat.

“Sejarah membuktikan teknologi yang dicipta untuk memudahkan kehidupan turut digunakan bagi melakukan penipuan, pecah amanah, penyebaran fitnah dan pelbagai bentuk jenayah yang semakin sukar dikesan,” ulasnya.

Mengambil contoh penyelewengan dalam sektor perbankan pada awal era penggunaan komputer di Malaysia, beliau berkata kepakaran yang tinggi tanpa panduan iman akhirnya membawa kepada pengkhianatan amanah.

“Yang gagal bukan ilmunya. Yang gagal ialah nilai yang mem-

bimbing ilmu tersebut. Kepakaran yang sepatutnya menjadi manfaat kepada masyarakat akhirnya digunakan untuk mengkhianati amanah dan mengambil harta orang lain,” jelasnya.

Beliau berpesan, para ulama terdahulu menyusun sistem pendidikan umat dengan mengutamakan pembinaan akidah sebelum syariat, fiqh dan adab agar lahir generasi yang berilmu dan memahami tanggungjawab menggunakan ilmu di jalan yang diredai Allah SWT.

Tambahnya, ilmu yang sebenar bukan sekadar diukur melalui banyaknya maklumat yang dihafal atau tingginya kelulusan akademik tetapi melalui keupayaannya membentuk insan yang amanah, ikhlas, tawaduk dan bertanggungjawab terhadap masyarakat.

“Daripada manusia yang berilmu, beriman dan berakhlak lahirilah pemimpin yang adil, pentadbir yang amanah serta masyarakat yang mampu menegakkan keadilan. Tanpa asas ini, kuasa hanya menjadi alat yang mengulangi pelbagai kerosakan yang telah banyak dirakamkan sepanjang sejarah,” ujarnya.

Rakyat diseru bangunkan tanah terbiar, perkasa sektor pertanian Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 26 Julai - Kerajaan Negeri Kelantan menyeru rakyat memanfaatkan tanah terbiar untuk dibangunkan sebagai kawasan pertanian bagi memperkukuh pengeluaran makanan dan merealisasikan hasrat menjadikan negeri itu sebagai jelang makanan negara.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata usaha itu memerlukan kerjasama semua pihak termasuk masyarakat, kerajaan dan jabatan teknikal bagi memastikan tanah yang masih belum diusahakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

"Kerajaan negeri menyeru rakyat supaya bersama-sama menggerakkan masyarakat mengambil peluang yang ada dan memanfaatkan sektor pertanian di tempat masing-masing.

"Kalau masih ada tanah-tanah terbiar yang boleh dibangunkan, ayuh kita bangunkan. Kita bincang dengan kerajaan dan jabatan teknikal bagaimana cara untuk membangunkan tanah-tanah yang masih ada, kurniaan Allah Taala kepada kita.

"Insya Allah saya yakin masa depan sektor pertanian khususnya di Kelantan mampu menjadikan negeri ini sebagai jelang makanan kepada negara."

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis penutup Ekspo Tani Kelantan 2026 yang



bertemakan 'Bertani Satu Ibadah: Transformasi Tani Perkasa Hasil Berkualiti', di Dataran Warisan Stadium Sultan Muhammad IV, pada Sabtu.

Beliau turut menzahirkan keyakinan bahawa Negeri Kelantan mampu terus berdaya saing dalam sektor pertanian sekiranya semua pihak termasuk petani, penternak, nelayan dan usahawan agro berganding bahu serta berani meneroka teknologi dan bidang baharu.

Katanya, pelbagai agensi kerajaan turut menyediakan sokongan kepada pemain industri termasuk FAMA dalam aspek pemasaran dan MARDI menerusi penyelidikan, selain bantuan daripada jabatan berkaitan bagi melahirkan lebih ramai usahawan serta petani yang berjaya.

Mengulas tema Ekspo Tani Kelantan 2026, 'Bertani Satu Ibadah: Transformasi Tani Perkasa Hasil Berkualiti', beliau berkata

tema tersebut membawa objektif untuk menggalakkan penghasilan produk dan hasil pertanian yang berkualiti.

Dalam perkembangan sama, beliau mempelawa seluruh rakyat Kelantan menghadiri program Road to MAHA 2026 yang akan berlangsung di Mydin Tunjong, Kota Bharu, dari 6 hingga 8 Ogos depan dan diurusetiaikan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Ujarnya lagi, Kelantan seterusnya akan membawa nama negeri ke pentas nasional menerusi penyertaan pada MAHA 2026 di MAEPS Serdang yang dijadual berlangsung dari 28 Ogos hingga 6 September depan.

"Kalau berkunjung ke MAHA Serdang nanti jangan lupa singgah ke Pavilion Negeri Kelantan. Kita ada pelbagai pengisian setiap hari termasuk persembahan kesenian, pertandingan dan pameran produk

“

Marilah kita menghayati tema 'Transformasi Tani Perkasa Hasil Berkualiti' sebagai tekad bersama untuk membina sektor pertanian moden, mampan, berdaya saing dan diberkati Allah SWT,"

tempatan terpilih bagi memberi peluang kepada pengunjung dari pelbagai negeri serta negara menikmati hasil usahawan kita," katanya.

Beliau berharap kedua-dua program itu menjadi platform terbaik untuk mempromosikan kehebatan produk agroteknologi dan usahawan Kelantan ke seluruh negara.

Jelas Dato' Tuan Mohd Saripudin lagi, kemajuan sektor pertanian diukur melalui keluasan tanah, hasil tuaian atau kecanggihan teknologi dan turut bergantung kepada kesungguhan membina masyarakat yang menghargai tanah, memulakan usaha dan memahami bahawa setiap benih yang ditanam dengan niat ikhlas adalah satu amal yang diberkati.

"Marilah kita menghayati tema 'Transformasi Tani Perkasa Hasil Berkualiti' sebagai tekad bersama untuk membina sektor pertanian moden, mampan, berdaya saing dan diberkati Allah SWT," katanya.



Kelantan sokong agenda AI negara lahir bakat digital generasi masa depan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 29 Julai – Kelantan menyokong aspirasi nasional dalam memperkasa pembangunan kecerdasan buatan (Artificial Intelligence – AI) sebagai pemacu utama transformasi digital negara, khususnya dalam melahirkan bakat digital yang berdaya saing serta memperkukuh ekosistem pendidikan dan inovasi.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata pelaksanaan AI Malaysia 2026 membuktikan kesungguhan kerajaan dalam membentuk hala tuju strategik kecerdasan buatan yang mampu mempercepat pembangunan ekonomi digital negara.

Menurutnya, usaha tersebut turut membuka ruang lebih luas kepada institusi pendidikan, agensi kerajaan, industri dan syarikat teknologi untuk menjalinkan kerjasama dalam memperkasa pembangunan bakat digital serta inovasi berteraskan AI.

“Pembangunan kecerdasan buatan bukan lagi satu pilihan, sebaliknya menjadi keperluan dalam



mendepani cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 dan ekonomi digital.

“Justeru, pembangunan modal insan yang mahir dalam teknologi digital dan AI perlu terus diperkasakan agar negara memiliki tenaga kerja berkemahiran tinggi yang mampu memenuhi keperluan masa hadapan,” katanya dalam media sosial selepas menghadiri Majlis Peluncuran AI Malaysia 2026 di Menara Cyber Axis, Cyberjaya, semalam.

Majlis peluncuran anjuran Kementerian Digital telah disempurnakan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim bagi memperkenalkan aspirasi serta hala tuju strategik kecerdasan buatan negara dalam memperkukuh transfor-

masi digital Malaysia.

Menurutnya, penganjuran program itu mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam membangunkan ekosistem AI yang mampan menerusi kerjasama pelbagai pihak, sekali gus memperkukuh daya saing negara di peringkat serantau.

Beliau berkata, program berkenaan turut menampilkan Pameran AI Nation yang menghimpunkan penyertaan agensi kerajaan, pemain industri, institusi pendidikan, syarikat teknologi dan rakan strategik bagi mempamerkan pelbagai inisiatif, inovasi serta aplikasi AI merentasi pelbagai sektor.

Menurutnya, pameran tersebut menjadi platform penting dalam

memperkukuh jaringan kerjasama strategik, perkongsian pengetahuan serta pembangunan ekosistem AI negara yang lebih menyeluruh.

“Pendekatan yang menghimpunkan kerajaan, institusi pendidikan dan industri dalam satu platform seperti ini amat penting bagi mempercepat pembangunan teknologi, memperluaskan inovasi serta melahirkan lebih ramai bakat digital yang kompetitif.

“Semoga segala usaha ini menjadi pemangkin kepada pembangunan bakat digital, peningkatan inovasi serta pertumbuhan ekonomi digital negara, sekali gus meletakkan Malaysia sebagai peneraju kecerdasan buatan di rantau ini,” jelasnya.

Hasil jualan Ekspo Tani Kelantan 2026 catat RM546,738.39, lepasi sasaran

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 27 Julai – Ekspo Tani Negeri Kelantan 2026 mencatat hasil jualan keseluruhan sebanyak RM546,738.39, sekali gus melepasi sasaran jualan RM500,000 sepanjang empat hari penganjurannya di Dataran Warisan Stadium Sultan Muhammad IV.

Berdasarkan laporan rasmi Jawatankuasa Promosi dan Publisiti Ekspo Tani Kelantan 2026, pencapaian tersebut membuktikan sambutan memberangsangkan daripada pengunjung terhadap ekspo yang menghimpunkan pelbagai produk dan usahawan sektor pertanian, agromakanan serta komoditi negeri.

Laporan itu menunjukkan jualan pada hari pertama, 22 Julai berjumlah RM83,880.40, diiku-



ti RM56,027.84 pada hari kedua. Jualan memuncak pada hari ketiga dengan nilai RM317,742.05 sebelum merekodkan RM89,088.10 pada hari terakhir.

Secara keseluruhan, jumlah jualan sepanjang 22 hingga 25 Julai mencapai RM546,738.39, sekali gus melepasi sasaran setengah juta ringgit yang ditetapkan penganjur.

Sehubungan itu, pihak penganjur merakamkan penghargaan kepada semua peserta pameran, usahawan, agensi kerajaan, rakan strategik dan pengunjung yang menjayakan Ekspo Tani Negeri Kelantan 2026.

Menurut penganjur, pencapaian tersebut mencerminkan keyakinan masyarakat terhadap potensi sektor pertanian negeri serta kejayaan penganjuran ekspo yang mem-

bawa tema “Bertani Satu Ibadah: Transformasi Tani Perkasa Hasil Berkualiti.”

Ekspo Tani Negeri Kelantan 2026 berlangsung dari 22 hingga 25 Julai dan telah dirasmikan oleh Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud, manakala majlis penutup disempurnakan oleh Exco Pertanian Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Sebagai kesinambungan usaha memperkukuh sektor agromakanan negeri, program Road to MAHA akan berlangsung di Mydin Tunjong pada 6 hingga 8 Ogos sebagai persediaan penyertaan Kelantan ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 di MAEPS Serdang Selangor dari 28 Ogos hingga 6 September ini.

Exco Kesihatan seru rakyat budayakan gotong-royong, kekang ancaman denggi

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 26 Julai – Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah menyeru seluruh rakyat membudayakan amalan gotong-royong bagi membendung penularan wabak denggi yang masih menjadi ancaman kepada kesihatan awam.

Beliau berkata, kejayaan memerangi denggi tidak boleh disandarkan kepada tindakan pihak berkuasa semata-mata, sebaliknya memerlukan komitmen dan kerjasama menyeluruh daripada setiap lapisan masyarakat dalam memastikan persekitaran sentiasa bersih serta bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Beliau berkata demikian dalam medianya selepas merasmikan Program Gotong-Royong Kempen Mencegah Wabak Denggi anjuran Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), agensi-agensi kerajaan, pemimpin masyarakat serta penduduk setempat di perkarangan Masjid Mukim Kemumin, di sini, semalam.

Menurutnya, sehingga 18 Julai 2026, sebanyak 627 kes demam denggi direkodkan di Kelantan termasuk satu kes kematian, berbanding 961 kes bagi tempoh sama tahun lalu, sekali gus menunjukkan penurunan sebanyak 34.76 peratus.

“Penurunan ini merupakan perkembangan yang positif, namun ia bukan alasan untuk kita berasa



selesa. Denggi merupakan penyakit berbahaya yang boleh menyebabkan komplikasi serius malah meragut nyawa sekiranya tidak dicegah dan dirawat dengan segera.

“Justeru, usaha membanteras denggi memerlukan penyertaan aktif seluruh masyarakat. Kebersihan persekitaran bermula daripada rumah sendiri dan setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk Aedes di kawasan masing-masing,” jelasnya.

YB Hilmi juga memaklumkan, situasi di peringkat nasional masih membimbangkan apabila sebanyak 42,848 kes demam denggi direkodkan di Malaysia setakat Julai 2026 berbanding 31,790 kes bagi tempoh sama tahun lalu, sekali gus meletakkan negara di tangga ketiga tertinggi penularan wabak denggi selepas Indonesia dan Vietnam.

Katanya lagi, tindakan penguatkuasaan turut diperkasakan bagi meningkatkan pematuhan masyarakat terhadap aspek kebersihan persekitaran.

Menurutnya, sehingga 18 Julai

2026, sebanyak 196,295 premis telah diperiksa bagi mengesan tempat pembiakan Aedes, manakala 415 kompaun dengan nilai keseluruhan RM207,500 telah dikeluarkan kepada pemilik premis yang didapati mempunyai pembiakan nyamuk Aedes di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154).

“Penguatkuasaan penting sebagai langkah mendidik masyarakat supaya lebih bertanggungjawab terhadap kebersihan kawasan masing-masing. Namun apa yang lebih utama ialah membentuk kesedaran bahawa pencegahan merupakan benteng terbaik dalam memutuskan rantaian penularan denggi,” menurutnya.

Dalam pada itu, beliau menggesa rakyat menjadikan amalan ‘10 Minit Seminggu’ sebagai rutin setiap keluarga dengan meluangkan masa memeriksa kawasan rumah, membersihkan longkang, membuang bekas yang boleh menampung air serta memusnahkan semua lokasi yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

“

Marilah kita bersama-sama menjadikan slogan ‘10 Minit Seminggu, Rumah Bersih, Denggi Sifar’ sebagai amalan berterusan demi memastikan Kelantan kekal sebagai negeri yang bersih, sihat dan sejahtera”

Tambahnya, amalan yang kelihatan kecil itu mampu memberi impak besar dalam mengurangkan risiko penularan denggi dan melindungi ahli keluarga serta komuniti daripada dijangkiti penyakit berbahaya tersebut.

Beliau turut mengajak institusi pendidikan, masjid, surau, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan penduduk, sektor swasta, golongan belia dan seluruh komuniti untuk terus berganding bahu menjadikan kebersihan sebagai budaya hidup.

“Semangat gotong-royong melambangkan kesatuan masyarakat dalam menjaga kesihatan awam. Apabila tempat pembiakan Aedes dimusnahkan, kita bukan sahaja berjaya mencegah penularan wabak, malah turut menyelamatkan nyawa.

“Marilah kita bersama-sama menjadikan slogan ‘10 Minit Seminggu, Rumah Bersih, Denggi Sifar’ sebagai amalan berterusan demi memastikan Kelantan kekal sebagai negeri yang bersih, sihat dan sejahtera,” serunya.



Pindaan Akta Persaingan: Pelaksanaan perlu menyeluruh, kepentingan pengguna dan PKS dipelihara – Dr Wan Martina



Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 28 Julai – Pindaan terhadap Akta Persaingan perlu dilaksanakan secara menyeluruh bagi memastikan kepentingan pengguna dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus terpelihara, selain mewujudkan ekosistem pasaran yang lebih adil, telus dan berdaya saing.

Ahli Dewan Negara YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff berkata, Rang Undang-Undang Persaingan (Pindaan) 2026 merupakan langkah yang wajar disokong kerana ia memperkukuh fungsi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), namun pelaksanaannya mestilah disertai garis panduan

yang jelas agar tidak menimbulkan ketidakpastian kepada pemain industri, khususnya PKS.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Rang Undang-Undang Persaingan (Pindaan) 2026 di Dewan Negara, semalam.

Menurutnya, persaingan yang adil mampu memenuhi tuntutan ekonomi dan selari dengan prinsip keadilan dalam Islam yang menolak amalan penindasan, penipuan dan penyalahgunaan kuasa dalam pasaran.

“Persaingan yang adil bukan sekadar memenuhi tuntutan ekonomi, malah selari dengan prinsip keadilan dalam Islam yang menolak penindasan, penipuan dan penyalahgunaan kuasa dalam pasaran. Sebab itu, setiap pindaan undang-undang mesti benar-benar melindungi pengguna dan peniaga yang berintegriti,” katanya.

Dr Wan Martina turut mencadangkan supaya kerajaan mengeluarkan garis panduan yang lebih jelas berhubung peluasan skop

pemakaian akta daripada “aktiviti komersial” kepada “aktiviti komersial atau ekonomi” bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan koperasi, institusi berasaskan agama, badan kebajikan dan PKS.

Tambahnya, kejelasan pelaksanaan amat penting supaya entiti yang menjalankan aktiviti ekonomi berskala kecil tidak dibebankan dengan keperluan pematuhan yang tidak munasabah.

Beliau turut membangkitkan keperluan penjelasan berhubung pelaksanaan kuasa MyCC terhadap entiti kerajaan termasuk kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan, selain menggesa mekanisme penyelesaian pertikaian diperincikan bagi mengelakkan konflik dalam pelaksanaan dasar.

Selain itu, beliau mencadangkan MyCC menyediakan garis panduan baharu berkaitan pelaksanaan peruntukan mengenai perjanjian persaingan, mekanisme penyelesaian, rejim kelonggaran serta perlindungan pemberi maklumat bagi

memastikan penguatkuasaan undang-undang dilaksanakan secara konsisten dan telus.

“Pindaan Akta Persaingan perlu disokong dengan garis panduan yang jelas supaya perusahaan kecil dan sederhana, koperasi serta institusi berasaskan masyarakat tidak dibebankan oleh ketidakpastian pelaksanaan undang-undang,” jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau turut meminta kerajaan menjelaskan implikasi kewangan pelaksanaan pindaan tersebut termasuk keperluan tambahan dari segi tenaga kerja, latihan dan peruntukan kepada MyCC bagi memastikan penguatkuasaan dapat dilaksanakan secara berkesan.

Ahli Dewan Negara itu menegaskan, kejayaan sesuatu undang-undang bukan hanya bergantung kepada kandungan pindaannya, tetapi turut ditentukan oleh kejelasan pelaksanaan yang mampu menjamin keadilan kepada semua pihak.

Wakaf perlu diperkasa sebagai instrumen pembangunan ummah mampan – Dato’ Ahmad Yakob

Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 28 Julai – Wakaf perlu terus diperkasa sebagai instrumen pembangunan ummah yang mampan kerana berupaya menyumbang kepada pengukuhan institusi Islam, kebajikan masyarakat serta pembangunan sosioekonomi umat.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Pasir Pekan yang juga mantan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Bentara Kanan Dato’ Ahmad Yakob berkata demikian selepas menghadiri Pra-Konvensyen Wakaf Dakwah Antarabangsa 2026 dan program Malam Mufti Bermuzakarah yang berlangsung di sebuah hotel, di sini, pada 26 Julai.

Menurutnya, program tersebut menghimpunkan para mufti, ilmuwan, ahli akademik serta pemimpin institusi Islam bagi membincangkan usaha memperkukuh agenda wakaf, zakat dan dakwah sebagai



instrumen pembangunan ummah yang mampan.

“Program seperti ini menjadi wadah penting untuk menyatukan fikrah dan berkongsi pandangan dalam usaha memperkasa pembangunan Islam serta kebajikan ummah.

“Pengukuhan institusi wakaf dan dakwah memerlukan kerjasama semua pihak agar manfaatnya dapat dirasakan secara lebih meluas oleh masyarakat,” katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan ke-

pada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kebangsaan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) atas kejayaan menganjurkan program berkenaan.

Katanya, penganjuran program itu membuktikan komitmen pelbagai institusi Islam dalam memperkukuh agenda wakaf, zakat dan dakwah melalui perkongsian ilmu serta pengalaman.

Majlis berkenaan turut diserikan dengan ucap tahniah perasmian oleh Timbalan Menteri di Jabatan



Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Marhamah Rosli yang menekankan kepentingan memperkukuh institusi wakaf dan dakwah dalam mendepani cabaran semasa.

Dato’ Ahmad berharap segala resolusi yang dirumuskan sepanjang program tersebut dapat menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuh institusi wakaf dan dakwah, sekali gus membawa manfaat kepada umat Islam di Malaysia serta masyarakat Islam di peringkat antarabangsa.

Dermasiswa Sultan Ismail Petra MAIK dibuka pada 1 Ogos hingga 31 Oktober - MAIK



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 30 Julai – Permohonan Dermasiswa Sultan Ismail Petra (DSIP) di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) akan dibuka mulai 1 Ogos hingga 31 Oktober 2026.

MAIK dalam satu kenyataan di media sosialnya semalam memaklumkan, calon yang memenuhi syarat kelayakan boleh mengemukakan permohonan secara dalam talian menerusi sistem eAgihan MAIK di pautan <http://eagihan.e-maik.my/>.

Menurut kenyataan itu, DSIP

merupakan bantuan kewangan zakat (dermasiswa) yang disediakan bagi meringankan beban anak-anak asnaf di Kelantan yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam dan luar negara merangkumi pelbagai bidang yang bermanfaat.

“Bantuan dermasiswa ini adalah berdasarkan permohonan pada tahun semasa dan tertakluk kepada tempoh pengajian pelajar,” menurut kenyataan itu, semalam.

Antara syarat umum permohonan ialah pemohon serta ibu bapa atau penjaga mestilah beragama Islam dan merupakan warganegara Malaysia berketurunan Kelantan yang lahir serta bermastautin tetap di negeri itu.

Selain itu, pemohon perlu terdiri daripada golongan asnaf yang layak menerima zakat dengan jumlah pendapatan kasar isi rumah tidak melebihi RM10,000 sebulan.

“Pemohon juga tidak boleh menerima tajaan pembiayaan, dermasiswa atau biasiswa daripada mana-mana pihak, kecuali Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan bantuan kewangan atau pinjaman agensi Kerajaan Negeri Kelantan,” menurut

kenyataan tersebut.

MAIK turut menetapkan, permohonan hanya dibuka kepada pelajar sepenuh masa yang mengikuti pengajian sekurang-kurangnya di peringkat diploma atau ijazah sarjana muda, manakala pelajar separuh masa, pengajian berelaun serta program sarjana, doktor falsafah (PhD) dan Diploma Pendidikan Lulusan Ijazah (DPLI) tidak layak memohon.

“Bagi pelajar dalam negara, pemohon perlu memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) minimum 3.00 atau keputusan lulus sekurang-kurangnya 75 peratus bagi institusi yang tidak menggunakan sistem PNGK.

“Mereka juga hendaklah sekurang-kurangnya berada pada semester kedua atau sesi pengajian tahun kedua dan ke atas,” menurut MAIK lagi.

Kadar dermasiswa bagi pelajar dalam negara di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda ialah RM2,500.

Sementara itu, pelajar luar negara selain Timur Tengah perlu memperoleh PNGK minimum 3.00 atau keputusan lulus sekurang-kurangnya 75 peratus bagi institusi yang

tidak menggunakan sistem PNGK, dengan kadar dermasiswa sebanyak RM5,000 bagi peringkat ijazah sarjana muda.

Bagi pelajar di Timur Tengah, syarat akademik ialah memperoleh keputusan Maqbul (lulus) dan layak meneruskan pengajian ke tahun berikutnya. Kadar dermasiswa bagi pelajar ijazah sarjana muda ditentukan mengikut keputusan akademik iaitu Mumtaz (RM10,000), Jayyid Jiddan (RM7,000), Jayyid (RM6,000) dan Maqbul (RM5,000).

MAIK memaklumkan permohonan akan ditolak dan tidak diproses sekiranya dokumen tidak lengkap melebihi tiga kali atau permohonan dihantar selepas tahun permohonan.

Menurut kenyataan MAIK itu lagi, pihaknya berhak menolak permohonan sekiranya terdapat unsur penipuan maklumat atau pemalsuan dokumen tanpa sebarang notis.

Orang ramai yang memerlukan maklumat lanjut boleh menghubungi Unit Tajaan Pendidikan MAIK di talian 09-7421519 atau melalui e-mel info_pendidikan@e-maik.my.

352 keping atap zink bantu rakyat DUN Kemuning hadapi musim hujan - YB Zakhran

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 30 Julai – Sebanyak 352 keping atap zink jenis gegelung bernilai hampir RM7,000 disalurkan kepada penduduk berpendapatan rendah di DUN Kemuning bagi membantu mereka menggantikan bumbung rumah yang bocor menjelang musim hujan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor berkata bantuan itu merupakan antara inisiatif bagi meringankan beban rakyat yang berhadapan dengan masalah kebocoran bumbung sehingga menjejaskan kesesuaian hidup seharian.

Menurutnya, bantuan tersebut melibatkan atap zink bersaiz lapak, 10 kaki dan 12 kaki yang diagihkan kepada pemohon yang



layak melalui penghulu mukim masing-masing.

“Permohonan ini diterima daripada golongan rakyat berpendapatan rendah bagi menggantikan atap zink jenis gegelung yang bocor di bahagian utama rumah seperti ruang tamu, bilik, dapur dan tandas.

“Semoga dengan bantuan ini dapat memberikan keselesaan kepada mereka, khususnya menjelang

musim hujan,” katanya menerusi media sosial selepas menyampaikan bantuan tersebut, semalam.

Beliau berkata, keadaan cuaca yang kerap hujan sejak kebelakangan ini menyebabkan ramai penduduk yang memiliki bumbung rumah uzur berdepan kesukaran apabila air hujan menitis melalui celahan atap yang rosak.

Menurutnya, situasi tersebut menjejaskan keselesaan penghuni



dan mengganggu kehidupan harian terutama ketika waktu malam apabila kebocoran berlaku di ruang utama rumah.

“Kerajaan sentiasa prihatin terhadap keperluan rakyat, khususnya golongan yang kurang berkemampuan.

“Bantuan seperti ini diharapkan dapat mengurangkan beban mereka dalam melakukan kerja-kerja pembaikan rumah,” ujarnya.

529 ibu tunggal DUN Semerak terima insentif kerajaan negeri

Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR PUTEH, 30 Julai – Sebanyak 529 ibu tunggal di DUN Semerak menerima insentif khas Kerajaan Negeri menerusi Program Himpunan Armalah (Ibu Tunggal) DUN Semerak Fasa 2 Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Penggawa Semerak, pada 22 Julai

Ahli Dewan Negeri (ADN) Semerak YB Norsham Sulaiman berkata program berkenaan merupakan antara usaha berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam menyantuni golongan ibu tunggal menerusi penyaluran bantuan yang mampu meringankan beban kos sara hidup mereka.

Menurutnya, sumbangan yang disalurkan itu turut mencerminkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kebajikan golongan armalah yang memerlukan perhatian dan sokongan berterusan.

“Sebanyak 529 penerima yang



layak hadir menerima insentif khas pada fasa kali ini. Semoga sumbangan yang disalurkan dapat meringankan beban, menyantuni serta membawa keceriaan kepada golongan ibu tunggal di DUN Semerak,” katanya dalam media sosial selepas menyampaikan sumbangan tersebut.

Beliau berkata, Program Himpunan Armalah DUN Semerak Fasa 2 merupakan inisiatif Urus setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan (U-KeKWa) yang dilaksanakan dengan kerjasama Pusat

Khidmat DUN (PKD) Semerak bagi memastikan bantuan dapat disampaikan kepada golongan sasaran.

Menurutnya, penganjuran program tersebut bukan sekadar menyalurkan bantuan kewangan, malah menjadi medium untuk mendekati golongan ibu tunggal serta menghargai peranan mereka dalam membesarkan keluarga dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

“Kerajaan negeri sentiasa komited memastikan kebajikan rakyat terus dipelihara melalui pel-

bagai inisiatif yang memberi manfaat secara langsung kepada golongan yang memerlukan, termasuk ibu tunggal,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada U-KeKWa, PKD Semerak serta semua pihak yang berganding bahu menjayakan program berkenaan.

Menurutnya, kerjasama erat semua pihak menjadi faktor penting dalam memastikan setiap inisiatif kebajikan Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan dengan lancar dan memberi manfaat kepada rakyat yang memerlukan.

66 pelajar DUN Bunut Payong terima saguhati IPT fasa kedua



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 30 Julai – Sejumlah 66 pelajar dari DUN Bunut Payong yang berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) menerima Saguhati IPT daripada kerajaan negeri sebagai dorongan untuk meneruskan kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Bunut Payong YB Shaari Mat Yaman berkata bantuan tersebut merupakan tanda sokongan Kerajaan Negeri terhadap usaha anak-anak Kelantan menimba ilmu di peringkat pengajian tinggi, di samping menghargai pengorbanan ibu bapa yang sentiasa memberi dorongan kepada kejayaan mereka.

Menurutnya, peluang melanjutkan pengajian ke IPT merupakan

satu nikmat yang perlu disyukuri kerana bukan semua individu diberikan kesempatan tersebut.

“Bersyukur kita dipilih untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi kerana bukan semua orang mendapat peluang ini.

“Gunakanlah peluang yang ada dengan bersungguh-sungguh menuntut ilmu supaya dapat kembali berbakti kepada agama, keluarga, masyarakat dan negeri,” katanya dalam kenyataan media selepas menyampaikan Saguhati IPT Fasa 2 di Dewan Pusat Khidmat DUN Bunut Payong, pada Selasa.

Beliau berkata, penyampaian bantuan pendidikan itu dilaksanakan secara berfasa dengan melibatkan 50 pelajar pada Fasa 1 dan 66 pelajar lagi pada Fasa 2, menjadikan keseluruhan 116 pelajar men-

erima manfaat bagi tahun ini.

Menurutnya, walaupun nilai sumbangan yang diberikan tidaklah besar, tetap membawa makna yang cukup signifikan sebagai penghargaan kepada ibu bapa serta anak-anak yang berusaha gigih sehingga berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

“Bantuan ini adalah tanda ingatan kerajaan negeri kepada anak-anak yang berjaya serta penghargaan kepada ibu bapa yang telah banyak berkorban demi memastikan kejayaan pendidikan anak-anak,” katanya.

Beliau turut berkongsi kisah kejayaan seorang pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dari Kelantan yang dinobatkan sebagai pelajar terbaik Malaysia meskipun berasal daripada keluarga sederhana.

Menurutnya, kejayaan tersebut membuktikan latar belakang keluarga bukan penghalang untuk mencapai kecemerlangan sekiranya disertai dengan kesungguhan, disiplin dan usaha yang berterusan.

Dalam pada itu, beliau memetik hasrat Menteri Besar Kelantan berkenaan kecemerlangan anak-anak Kelantan dalam bidang pendidikan bukan sahaja mengharumkan nama negeri bahkan membantu mengekalkan imej Kelantan sebagai Serambi Mekah.

Sementara itu, Pegawai Pembangunan Pusat Khidmat DUN Bunut Payong Faris Basir, mengingatkan para pelajar supaya memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (AI) secara berhemah dan tidak terlalu bergantung kepadanya dalam proses pembelajaran.

Menurutnya, penggunaan AI secara berlebihan boleh menjejaskan daya fikir dan perkembangan kognitif pelajar kerana mereka cenderung mendapatkan jawapan segera tanpa melalui proses perbincangan dan pemikiran yang kritis.

Turut hadir, Timbalan Pengerusi DUN Bunut Payong Mohd Nor-din Ibrahim.

KEBERKATAN

Bantuan kebajikan kerajaan negeri memanfaatkan 29 penerima DUN Guchil

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 28 Julai – Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkukuh agenda kebajikan rakyat apabila sebanyak 29 penerima di DUN Guchil menerima pelbagai bentuk bantuan menerusi Majlis Penyampaian Kita Cakna yang berlangsung di Pusat Khidmat DUN Guchil, semalam.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Kelantan merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Guchil YB Hilmi Abdullah.

Beliau berkata, pelaksanaan pelbagai skim kebajikan itu mencerminkan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memastikan golongan yang memerlukan sentiasa mendapat pembelaan sewajarnya tanpa mengira latar belakang.

Menurutnya, setiap bantuan yang disalurkan bukan sekadar bertujuan meringankan beban kewangan penerima, malah menjadi bukti bahawa kerajaan negeri sentiasa bersama rakyat dalam menghadapi pelbagai ujian kehidupan.

“Nilai bantuan ini mungkin tidak mampu menghapuskan seluruh kesusahan yang dihadapi,



namun ia membawa mesej bahawa kerajaan sentiasa bersama rakyat, berkongsi rasa, menghulurkan bantuan dan tidak pernah melupakan mereka yang sedang diuji,” katanya menerusi hantaran di media sosial rasminya, semalam.

Pada majlis tersebut, seramai tujuh penerima menerima Bantuan Pesakit Kronik, manakala 10 lagi menerima Skim Manfaat Armalah (SMA) dan Skim Khairat Armalah (SKA), sementara 12 penerima menerima Manfaat Kifaalah Kerajaan Negeri.

YB Hilmi berkata, Manfaat Kifaalah Kerajaan Negeri menyediakan sumbangan sebanyak RM1,000 kepada wasi ahli Kifaalah yang meninggal dunia selepas berdaftar sebagai ahli Kifaalah dengan kerajaan negeri dan berumur 55 tahun ke atas.

Sehubungan itu, beliau menggalakkan rakyat Kelantan yang telah mencapai umur 55 tahun supaya segera mendaftarkan diri sebagai ahli Kifaalah bagi membolehkan waris mereka menikmati manfaat skim berkenaan.

Katanya lagi, Skim Manfaat Armalah pula diwujudkan bagi membantu isteri yang kematian suami sebelum suami mencapai usia 55 tahun, manakala Skim Khairat Armalah disediakan kepada suami yang kematian isteri sebelum isteri mencapai usia sama.

Tambahnya, kadar bantuan bagi kedua-dua skim itu diberikan mengikut bilangan anak yang ditinggalkan, dengan keluarga yang mempunyai lebih daripada tiga orang anak berpeluang menerima bantuan sehingga RM1,000.

Beliau berkata, Bantuan Pesak-



it Kronik yang disalurkan secara sekali bayar pula merupakan manifestasi keprihatinan kerajaan negeri terhadap rakyat yang berdepan penyakit kronik, sekali gus membantu meringankan beban kewangan mereka dalam mendapatkan rawatan dan keperluan harian.

Beliau berharap setiap bantuan yang disampaikan mampu memberikan sedikit kelegaan kepada para penerima serta menjadi pemangkin untuk mereka terus tabah dan cecal menghadapi ujian kehidupan.

“Insya Allah, Kerajaan Negeri Kelantan akan terus berusaha memastikan kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan selaras dengan prinsip Membangun Bersama Islam dan aspirasi Kelantan Maju, Rakyat Sejahtera,” jelasnya.

10 nelayan darat DUN Mengkebang terima bantuan peralatan tangkapan ikan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 29 Julai – Sejumlah 10 nelayan darat di DUN Mengkebang menerima bantuan peralatan menangkap ikan daripada Kerajaan Negeri bagi meningkatkan produktiviti serta memperkukuh sumber pendapatan mereka.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Mengkebang YB Zubir Abu Bakar berkata bantuan yang merangkumi bot fiber, enjin bot, pukut dan jaring itu merupakan antara usaha Kerajaan Negeri dalam memperka-

sa sosioekonomi komuniti nelayan darat.

Menurutnya, penyediaan peralatan berkenaan diharap dapat membantu para penerima meningkatkan hasil tangkapan, sekali gus menambah pendapatan keluarga dan merancakkan aktiviti ekonomi berasaskan sektor perikanan di kawasan setempat.

“Bantuan peralatan yang disediakan oleh kerajaan negeri ini dapat membantu para nelayan menambah pendapatan mereka, menaik taraf



sosioekonomi serta mengembangkan ekonomi setempat berkaitan sektor perikanan,” katanya dalam media sosial selepas menyampaikan bantuan tersebut, semalam.

Menurutnya, golongan nelayan darat memainkan peranan penting dalam membekalkan hasil perikanan air tawar kepada masyarakat meskipun berdepan pelbagai cabaran ketika menjalankan aktiviti menangkap ikan.

Tambahnya, mereka sentiasa berhadapan dengan keadaan cuaca

yang tidak menentu serta pelbagai risiko demi memastikan bekalan hasil sungai sentiasa mencukupi untuk dinikmati oleh masyarakat.

“Sebagai menghargai jasa nelayan darat, kita wajar menghormati pengorbanan mereka yang sanggup berdepan pelbagai cabaran dan risiko ketika mencari rezeki.

“Kecekan mereka bukan sahaja menyumbang kepada sumber pendapatan keluarga, malah membantu memastikan bekalan hasil sungai terus tersedia untuk masyarakat,” jelasnya.

Beliau berharap bantuan yang disalurkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua penerima bagi meningkatkan taraf hidup mereka, di samping memperkukuhkan pembangunan sektor perikanan darat sebagai antara penyumbang kepada ekonomi komuniti di DUN Mengkebang.

Pentadbiran Islam boleh pilih pandangan pelbagai mazhab demi maslahat rakyat



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 30 Julai — Pentadbiran Islam tidak semestinya terikat kepada satu mazhab sahaja. Sebaliknya, pemerintah boleh memilih pandangan daripada mana-mana mazhab yang muktabar selagi tidak bercanggah dengan nas yang jelas serta lebih menepati maslahat rakyat dan keperluan semasa.

Demikian kenyataan Speaker Dewan Negeri Kelantan YB Dato' Sri Amar Diraja Dato' Mohd Amar Abdullah menerusi hantaran di media sosialnya, semalam.

Beliau berkata, para ulama sejak dahulu telah menjelaskan bahawa fiqh pemerintahan mempunyai ruang yang lebih luas berbanding fiqh yang diamalkan oleh individu kerana setiap dasar kerajaan perlu mengambil kira kepentingan masyarakat secara menyeluruh.

Menurutnya, seseorang boleh

beramal mengikut mazhab yang menjadi pegangannya dalam urusan ibadah dan kehidupan peribadi, namun pemerintah memikul amanah yang lebih besar untuk membuat keputusan berdasarkan kepentingan awam.

“Selagi sesuatu pandangan datang daripada mazhab yang muktabar dan tidak bercanggah dengan nas yang jelas, pandangan itu boleh dipilih apabila lebih sesuai dengan keperluan semasa.

“Malaysia termasuk Kelantan secara tradisinya berpegang kepada mazhab al-Syafie. Namun dalam beberapa urusan pentadbiran, pandangan daripada mazhab lain turut diterima apabila didapati lebih sesuai untuk mencapai maslahat umum. Antara contoh yang jelas ialah pelaksanaan pembayaran zakat fitrah,” jelasnya.

Katanya lagi, mazhab al-Syafie pada asalnya menetapkan zakat fitrah ditunaikan menggunakan makanan asasi. Namun dalam pentadbiran semasa, pembayaran menggunakan wang diterima sebagai dasar kerana lebih praktikal, mudah diurus dan memberi manfaat yang lebih besar kepada golongan penerima.

“Perubahan pada kaedah pelaksanaan ini tidak mengubah syariat. Yang berubah hanyalah pilihan pandangan fiqh yang lebih sesuai bagi memenuhi keperluan masyar-

akat,” katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa pendekatan yang sama digunakan ketika Kelantan menggubal Enakmen Kanun Jenayah Syariah apabila beberapa peruntukannya, termasuk penetapan umur tertentu bagi pelaksanaan hukuman, dibina berdasarkan pandangan daripada mazhab lain yang turut diiktiraf para ulama.

Tambahnya, pendekatan itu dipilih kerana lebih sesuai dengan keperluan sistem perundangan dan pentadbiran semasa tanpa menyalahi prinsip syariat.

Mengulas lanjut beliau menegaskan, kepelbagaian pandangan dalam kalangan mazhab bukanlah suatu kelemahan, sebaliknya merupakan kekayaan khazanah fiqh Islam yang membolehkan pemerintah memilih pandangan paling sesuai mengikut keadaan, masa dan tempat.

“Para fuqaha turut merumuskan satu kaedah penting dalam fiqh siyasah bahawa setiap tindakan pemerintah terhadap rakyat hendaklah berasaskan maslahat mereka.

“Kaedah ini menjadi antara asas penting dalam pentadbiran Islam. Pemerintah bukan sahaja melihat sama ada sesuatu perkara mempunyai sandaran hukum, bahkan turut menilai kesannya terhadap agama, nyawa, akal, keturunan, harta dan kesejahteraan masyarakat. Setiap

dasar hendaklah membawa manfaat, mengelakkan mudarat dan memelihara kepentingan umum,” katanya.

Di samping itu, Dato' Mohd Amar memaklumkan, fiqh pemerintahan menuntut keluasan ilmu, kefahaman terhadap realiti semasa serta kebijaksanaan dalam membuat pertimbangan kerana tidak semua persoalan dapat diselesaikan dengan berpandukan satu pandangan fiqh secara terpisah daripada keadaan masyarakat.

Hurainya, pemerintah perlu memahami perubahan zaman, cabaran semasa serta implikasi setiap keputusan sebelum memilih pendekatan yang paling hampir dengan kehendak syariat.

“Fiqh individu berbeza daripada fiqh pemerintahan kerana individu hanya bertanggungjawab terhadap amalannya sendiri, manakala pemerintah memikul amanah yang memberi kesan kepada seluruh rakyat dan akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT.

“Apabila keluasan fiqh ini difahami, akan terserlah bahawa Islam menyediakan prinsip yang lengkap untuk mentadbir masyarakat dan negara. Prinsip-prinsip inilah yang kemudiannya diterjemahkan oleh generasi awal Islam sehingga lahir sebuah tamadun yang berkembang merentasi pelbagai bangsa, bahasa dan benua,” ujarinya.

Vape dicampur dadah, ancam kesihatan - AADK Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 29 Julai - Orang ramai diingatkan supaya tidak mudah terpedaya dengan tanggapan bahawa penggunaan vape lebih selamat kerana ia boleh mendedakan pelbagai risiko terhadap kesihatan, terutama jika disalahgunakan.

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Kelantan menerusi hantaran di media sosial semalam memaklumkan, keadaan kini semakin membimbangkan apabila terdapat penyalahgunaan vape dengan cecairnya dicampur dadah dan bahan terlarang.

Menurut AADK Negeri Kelantan, penyalahgunaan vape boleh

mengakibatkan kerosakan otak, kerosakan paru-paru, gangguan jantung, kerosakan organ dalaman serta gangguan mental, selain menyebabkan ketagihan yang berlaku dengan sangat cepat.

Katanya, kesan penyalahgunaan vape menjejaskan kesihatan dan boleh mengubah masa depan seseorang dalam sekelip mata.

Sehubungan itu, ibu bapa dan penjaga disaran supaya sentiasa peka terhadap perubahan tingkah laku anak-anak.

“Mereka juga perlu meluangkan masa untuk berbual, mendengar dan membimbing anak-anak agar tidak terjebak dengan penyalahgunaan vape dan dadah,” menurut

hantaran itu.

AADK Negeri Kelantan turut mengingatkan bahawa kesihatan adalah aset paling berharga dan

mengajak semua pihak bersama-sama mencegah penyalahgunaan vape demi melindungi generasi masa depan.

1,060 armalah DUN Gaal terima sumbangan kerajaan negeri

Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR PUTEH, 28 Julai – Sejumlah 1,060 armalah di DUN Gaal menerima sumbangan kerajaan negeri menerusi Program Himpunan Armalah DUN Gaal 2026 sekali gus mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam memperkukuh agenda kebajikan rakyat yang berlangsung di Dewan Sri Gaal pada 23 Julai lalu.

Daripada jumlah keseluruhan penerima, sebanyak 200 orang hadir pada hari pertama program bagi menerima bantuan serta mengikuti pengisian yang memberi penekanan terhadap aspek pengurusan kewangan dan kesejahteraan keluarga.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Gaal YB Mohd Rodzi Jaafar berkata, kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian kepada kebajikan golongan armalah melalui pelbagai skim dan inisiatif yang dirangka bagi

membantu meringankan beban kehidupan mereka.

Menurutnya, bantuan yang disalurkan bukan sekadar memenuhi keperluan semasa, malah mencerminkan keprihatinan kerajaan dalam memastikan golongan tersebut terus dibela serta mempunyai peluang untuk meningkatkan taraf hidup.

“Program ini membuktikan kebajikan rakyat terus menjadi keutamaan kerajaan negeri. Golongan armalah perlu terus disantuni dan dibantu bukan sahaja melalui sumbangan, malah dengan ilmu serta bimbingan yang mampu

memperkukuhkan pengurusan kehidupan dan kewangan mereka.

“Kita berharap segala inisiatif yang dilaksanakan ini dapat memberikan manfaat berpanjangan kepada para penerima, sekali gus memperkukuhkan kesejahteraan keluarga dan masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian menerusi hantaran di media rasmi selepas menyempurnakan Majlis Penyampaian Bantuan Program Himpunan Armalah DUN Gaal 2026 pada 23 Julai.

Sebelum majlis penyampaian bantuan, para peserta mengiku-

ti sesi taklimat yang disampaikan oleh wakil Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Kota Bharu bagi memberi pendedahan mengenai pengurusan kewangan berhemah, perancangan masa depan serta kaedah mengurus komitmen kewangan secara lebih sistematik.

Program itu turut membuka ruang kepada peserta mendapatkan maklumat dan panduan berkaitan pengurusan kewangan bagi membantu mereka merancang kehidupan dengan lebih teratur serta meningkatkan kestabilan ekonomi keluarga.



Pesta Flora Kelantan 2026 dijangka jadi pemangkin industri florikultur dan pelancongan negeri



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 27 Julai – Pesta Flora Negeri Kelantan 2026 dijangka menjadi platform strategik dalam merencanakan industri florikultur, landskap dan pelancongan negeri sempena sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V ke-57 Tahun.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, berkata penganjuran pesta itu bertujuan mempromosikan industri florikultur tempatan dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat men-

erusi penglibatan usahawan, agensi kerajaan dan komuniti.

Menurutnya, pelbagai aspek diberi perhatian bagi memastikan penganjuran kali ini berlangsung dengan lebih tersusun, berimpak tinggi dan mampu menarik penyer-taan pengunjung dari dalam serta luar Kelantan.

“Pesta Flora Negeri Kelantan bukan sekadar pameran bunga dan landskap tetapi merupakan platform untuk memperkenalkan potensi industri florikultur sebagai salah satu sektor yang mampu menyumbang kepada ekonomi negeri.

“Kita mahu penganjuran tahun ini memberi nilai tambah kepada



usahawan tempatan, meningkatkan tarikan pelancongan serta menggalakkan minat masyarakat terhadap landskap dan penghijauan,” katanya menerusi media sosial, semalam.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pesta Flora Negeri Kelantan di Bilik Mesyuarat Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Kelantan, pada Ahad.

Tambahnya, mesyuarat berkenaan memberi tumpuan kepada penyelarasan pengisian program, penyertaan 39 agensi kerajaan dan usahawan, strategi promosi, penyediaan tapak serta aspek logistik

bagi memastikan setiap perancangan dapat dilaksanakan dengan lancar.

“Kerjasama erat antara semua agensi dan pihak berkepentingan amat penting dalam menjayakan penganjuran pesta tersebut agar objektif memperkasakan industri florikultur negeri dapat direalisasikan.

“Komitmen semua pihak diperlukan bagi memastikan Pesta Flora Negeri Kelantan 2026 menjadi antara acara utama negeri yang mampu memberi manfaat kepada sektor pertanian, pelancongan dan ekonomi rakyat,” jelasnya.

Beliau berharap penganjuran Pesta Flora Negeri Kelantan 2026 akan terus mengangkat imej Kelantan sebagai negeri yang kaya dengan landskap hijau, biodiversiti dan produk florikultur, di samping membuka lebih banyak peluang kepada pengusaha tempatan untuk memasarkan hasil serta mengembangkan jaringan perniagaan mereka.

171 anak DUN Tawang terima sumbangan galakan ke IPT

Oleh: Irham Hilmi Hashim

BACHOK, 27 Julai – Sebanyak 171 anak DUN Tawang yang berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) menerima sumbangan sebagai galakan meneruskan kecemerlangan akademik dalam Majlis Penyampaian Sumbangan IPT Peringkat DUN Tawang yang diadakan pada 23 Julai.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Tawang YB Harun Ismail berkata sumbangan itu merupakan tanda penghargaan dan sokongan kepada anak-anak Tawang yang berjaya melangkah ke menara gading sekali gus diharap dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan awal pengajian.

Menurutnya, pelaburan dalam bidang pendidikan merupakan aset paling berharga dalam melahirkan modal insan berkualiti yang mam-



pu menyumbang kepada pembangunan negeri dan negara pada masa hadapan.

“Alhamdulillah, sebanyak 171 anak DUN Tawang berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi pada tahun ini. Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan buat ibu bapa dan seluruh masyarakat di DUN Tawang.

“Gunakanlah peluang yang diperoleh ini sebaik mungkin dengan menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajian agar pulang

nanti sebagai insan yang berilmu serta mampu berbakti kepada agama, keluarga dan masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian menerusi hantaran di media sosial rasmi selepas menyampaikan sumbangan kepada pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPT.

Menurutnya, sebahagian besar penerima diwakili oleh ibu bapa masing-masing memandangkan pelajar terbabit telah berada di kampus untuk memulakan sesi pengajian di institusi pengajian



tinggi di dalam dan luar negeri.

Beliau menyifatkan kejayaan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi membanggakan keluarga dan menjadi inspirasi kepada generasi muda lain untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

“Semoga anak-anak DUN Tawang terus istiqamah menuntut ilmu, memanfaatkan setiap peluang yang ada dan kembali menyumbang kepada masyarakat apabila menamatkan pengajian kelak,” ujarinya.

Pelajar TRSK perlu jadi duta kebaikan dalam masyarakat - Dato' Rohani



Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Tuisyen Rakyat Sejahtera Kelantan (TRSK) 2026 bagi DUN Tanjong Mas di Maahad Muhammadi Lelaki, pada Ahad.

Beliau turut menasihati para pelajar supaya sentiasa berbakti kepada ibu bapa kerana keredaan mereka merupakan antara kunci kejayaan dalam kehidupan.

Dato' Rohani berkata, apabila melangkah keluar dari pintu pagar sekolah, setiap pelajar perlu menjadi contoh terbaik dan membawa imej yang baik kepada keluarga, sekolah serta masyarakat.

Beliau yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan mendoakan agar semua peserta TRSK dipermudah segala urusan, dikurniakan kejayaan dan memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang bakal diduduki.

Dalam masa sama, beliau mengingatkan pelajar supaya terus berusaha bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu, menjaga solat serta tidak mudah berputus asa kerana kejayaan menuntut kesungguhan, doa dan tawakal.

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 27 Julai – Peserta Program Tuisyen Rakyat Sejahtera Kelantan (TRSK) 2026 DUN Tanjong Mas perlu menjadi duta kebaikan dalam masyarakat dengan menampilkan sahsiah terpuji serta memanfaatkan ilmu yang dipelajari untuk kebaikan bersa-

ma.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Tanjong Mas YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, pelajar perlu memberi tumpuan kepada kecemerlangan akademik dan membentuk peribadi yang berteraskan nilai agama dan akhlak mulia.

Menurutnya, setiap pelajar perlu mengingati empat perkara uta-

ma dalam kehidupan iaitu pahala, dosa, syurga dan neraka sebagai panduan dalam setiap tindakan dan keputusan yang diambil.

“Belajarlah bukan untuk diri sendiri sahaja. Sebarkan ilmu yang kita miliki supaya memberi manfaat kepada orang lain dan menjadi pahala yang berterusan,” katanya di laman rasmi, semalam.

Pasar Besar Machang baharu kini dibuka

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 27 Julai – Pasar Besar Machang baharu di Bandar Seri Mentara kini dibuka dan mula beroperasi sebagai pusat perniagaan baharu yang menyediakan kemudahan lebih selesa, bersih serta tersusun kepada peniaga dan penduduk sekitar.

Perkara itu dimaklumkan Majlis Daerah Machang (MDM) menerusi media rasminya pada 23 Julai.

Menurut kenyataan itu, Pasar Besar Machang baharu menawarkan persekitaran yang lebih luas dan kondusif sekali gus memberi kemudahan lebih baik kepada para peniaga untuk menjalankan urusan perniagaan mereka.

Selain itu, kemudahan berke-



PEMBUKAAN PASAR BESAR MACHANG BAHARU DI BANDAR SERI MENTARA

Kelantan Bersih | Machangku Ceria | MDM Cemerlang



PEMBUKAAN PASAR BESAR MACHANG BAHARU DI BANDAR SERI MENTARA

Kelantan Bersih | Machangku Ceria | MDM Cemerlang

naan turut memberi pengalaman beli-belah yang lebih baik kepada orang ramai menerusi suasana pasar yang lebih bersih, teratur dan selesa.

Dalam pada itu, para peniaga dari Pasar Besar Bandar Machang kini telah berpindah dan beroperasi di lokasi baharu berkenaan dengan sokongan serta bantuan daripada

MDM bagi memastikan proses peralihan berjalan lancar.

Sehubungan itu, MDM menyeru seluruh warga Machang dan kawasan sekitarnya supaya mengunjungi Pasar Besar Machang di lokasi terkini bagi mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian yang segar dan berkualiti, di samping menyokong perkemban-

gan peniaga tempatan.

Pembukaan pusat aktiviti ekonomi itu mencerminkan usaha berterusan dalam menyediakan kemudahan awam yang lebih baik kepada masyarakat melalui penyediaan ruang perniagaan yang lebih moden, selesa dan kondusif untuk kegunaan peniaga serta pengunjung.

Kayuhan Klasik Pesisir Pantai Bachok himpun lebih 150 peminat basikal tua



Oleh: Asri Hamat

BACHOK, 28 Julai - Lebih 150 peminat basikal tua dari dalam dan luar Kelantan menyertai Program Kayuhan Klasik Pesisir Pantai Bachok 2026 yang bermula di Pantai Kemasin, di sini, pada 25 Julai.

Program anjuran Persatuan Basikal Tua Kelantan dengan kerjasama Tourism Kelantan tersebut menarik penyertaan peserta dari Pulau Pinang, Terengganu, Kedah, Johor dan Melaka, sekali gus menyemarakkan semangat persaudaraan serta mempromosikan

keunikan pelancongan negeri ini.

Peserta kayuhan dilepaskan Ahli Dewan Negeri (ADN) Pantai Irama YB Mohd Huzaimy Che Husin yang mewakili Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor.

YB Mohd Huzaimy yang turut mengayuh basikal klasik bersama peserta merakamkan penghargaan kepada penganjur kerana memilih Pantai Impian Kemasin sebagai lokasi penganjuran program itu.

“Tahniah dan terima kasih kepada pihak penganjur yang memilih Pantai Impian Kemasin sebagai tuan rumah,” katanya menerusi media sosial, pada Ahad.

Sementara itu, Tourism Kelantan dalam hantaran di laman sosial menyatakan, sepanjang kayuhan, peserta singgah di lima lokasi iaitu Wat Kampung Balai, Pantai Irama, IKS Pembuat Keropok, Pantai Tampang dan Pantai Impian.

“Setiap hentian memperkenalkan keindahan alam semula jadi, warisan budaya serta produk tempatan yang menjadi kebanggaan Kelantan.

“Sebaik menamatkan kayuhan, peserta diraikan dengan jamuan makan tengah hari sebelum menyertai sukaneka rakyat dan cabutan bertuah,” katanya.

Tambahnya, program itu terbukti menghidupkan semula nostalgia basikal klasik dan menjadi platform mempromosikan Bachok sebagai destinasi pelancongan berasaskan alam, budaya dan komuniti.

Bantuan pesakit kronik ringankan beban 45 penerima di DUN Temangan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 28 Julai – Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkukuh agenda kebajikan rakyat apabila sebanyak 45 penerima di DUN Temangan menerima Bantuan Pesakit Kronik dalam satu majlis ringkas yang diadakan di Pusat Khidmat DUN Temangan, pada Sabtu.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Temangan merangkap Timbalan Menteri Besar YB Dato' Mohamed Fadzli Dato' Hassan berkata, bantuan yang disalurkan diharap dapat meringankan beban penerima, khususnya dalam menampung kos rawatan dan perubatan yang perlu ditanggung sepanjang menjalani proses pemulihan.

“Inisiatif ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan kebajikan golongan yang memerlukan terus diberi perhatian, terutama mereka yang berdepan cabaran akibat penyakit kronik,” katanya dalam media sosial, semalam.

Selain itu, beliau berharap bantuan yang diterima dapat menjadi



pemangkin semangat kepada para penerima untuk terus tabah menghadapi ujian, di samping terus berusaha mendapatkan rawatan yang sewajarnya.

Dalam pada itu, beliau turut

mendoakan agar semua penerima dikurniakan kesembuhan, dipermudahkan segala urusan serta sentiasa berada dalam rahmat dan kesejahteraan Allah SWT.

Penyaluran bantuan tersebut

merupakan antara usaha berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam memperkasa agenda kebajikan rakyat melalui penyampaian bantuan yang bersasar kepada golongan yang memerlukan.

46 penerima manfaat Skim Cakna Hawa, Gerbang Az-Ziwaaj di DUN Pengkalan Kubor



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 26 Julai – Sejumlah 46 penerima menerima manfaat menerusi pelaksanaan Skim Cakna Hawa 2026 dan Skim Gerbang Az-Ziwaaj Kerajaan Negeri Kelantan.

Jumlah tersebut melibatkan 30 penerima Skim Cakna Hawa 2026 serta 16 pasangan pengantin baharu menerusi Skim Gerbang Az-Ziwaaj, sekali gus mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam

memperluas manfaat kebajikan kepada rakyat.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Kubor merangkap Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata penyampaian kedua-dua skim berkenaan merupakan sebahagian usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam membantu golongan ibu serta pasangan yang baru membina kehidupan berkeluarga.

Menurutnya, Skim Cakna Hawa diwujudkan bagi menghargai sumbangan golongan ibu yang bekerja, khususnya mereka yang mempunyai pendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah.

“Diharapkan bantuan ini dapat meringankan beban serta memberi manfaat kepada keluarga yang memerlukan.

“Golongan ibu merupakan antara tonggak penting dalam pembentukan keluarga yang sejahtera

dan bantuan seperti ini menjadi tanda keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kebajikan mereka,” katanya menerusi media rasmi selepas menyempurnakan penyampaian skim berkenaan di Dewan Pusat Khidmat DUN Pengkalan Kubor pada 23 Julai.

Menurutnya, Skim Gerbang Az-Ziwaaj pula menjadi inisiatif kerajaan negeri bagi membantu pasangan yang baru mendirikan rumah tangga sebagai persediaan awal membina keluarga yang lebih kukuh dan harmoni.

“Perhatian terhadap institusi keluarga amat penting kerana keluarga yang sejahtera menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang stabil dan berdaya tahan.

“Semoga semua penerima mendapat manfaat daripada bantuan yang disalurkan ini dan ia menjadi pemangkin kepada kehidupan yang lebih baik,” ujarnya.

Anak Kelantan cipta sejarah, Aliff Rakib rangkul gelaran juara dunia ONE Championship

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 26 Julai – Anak jati Kelantan Ahmad Nor Iman Aliff Rakib atau lebih dikenali sebagai Aliff Rakib, 22, mencipta sejarah apabila menjadi rakyat Malaysia pertama merangkul gelaran Juara Dunia Interim Muay Thai Strawweight ONE Championship selepas menewaskan jaguh Thailand Sam-A Gaiyanghadao dalam pertarungan di Stadium Lumpinee, Bangkok pada 25 Julai.

Kemenangan tersebut sekali gus melakar detik bersejarah buat sukan tempur negara apabila Alif Rakib berjaya menewaskan bekas juara dunia ONE Championship dari Thailand itu menerusi aksi penuh bersemangat di pentas antarabangsa.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud



berkata, kejayaan bersejarah itu merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan buat seluruh rakyat negeri ini dan Malaysia.

Beliau menzahirkan rasa syukur serta mengucapkan tahniah kepada Alif Rakib atas kejayaan membanggakan tersebut.

“Alhamdulillah, tahniah kepada Alif Rakib atas kejayaan mencipta sejarah sebagai rakyat Malaysia pertama merangkul gelaran Juara Dunia Interim Muay Thai Strawweight ONE Championship di Stadium Lumpinee, Bangkok.

“Satu pencapaian yang cukup

membanggakan buat Kelantan dan seluruh Malaysia,” katanya di laman rasmi, semalam.

Beliau berkata, kejayaan yang dilakar Alif Rakib membuktikan anak-anak Kelantan mempunyai potensi besar untuk bersaing di pentas dunia sekiranya disertai dengan kesungguhan, disiplin dan semangat juang yang tinggi.

Menurutnya, kejayaan itu menjadi kebanggaan dunia sukan tanah air dan diharap menjadi inspirasi kepada lebih ramai generasi muda untuk menceburi bidang sukan serta berusaha mengharumkan nama negeri dan negara di peringkat antarabangsa.

Menteri Besar Kelantan turut mendoakan agar Alif Rakib terus dikurniakan kesihatan, kekuatan dan kejayaan dalam meneruskan karier sebagai atlet profesional, sekali gus mencipta lebih banyak kejayaan pada masa hadapan.

Liga Elit, Liga Veteran DUN Kemahang platform lahir bakat bola sepak akar umbi

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 26 Julai – Penganjuran Liga Elit dan Liga Veteran DUN Kemahang 2026 menjadi platform penting dalam usaha mencungkil bakat baharu bola sepak di peringkat akar umbi, di samping membentuk generasi pemain yang berdisiplin serta memperkukuh semangat kesukanan dalam kalangan masyarakat.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemahang YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman berkata Liga Elit DUN merupakan antara inisiatif Kerajaan Negeri Kelantan bagi memberi ruang kepada anak-anak muda mengembangkan potensi dalam sukan bola sepak, selain menggalakkan mereka mengisi masa dengan aktiviti yang sihat dan bermanfaat.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Pelancaran Kejohanan Liga Elit dan Liga Veteran DUN Kemahang 2026 serta menyempurnakan penyerahan jersi kepada semua pasukan yang mengambil bahagian, pada Jumaat.

Menurutnya, penyerahan jersi kepada pasukan Liga Veteran



sebelum ini tertangguh berikutan beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan, namun akhirnya berjaya direalisasikan bagi melengkapkan persiapan semua pasukan menghadapi kejohanan musim ini.

“Alhamdulillah, semua pasukan kini bersedia mengharungi kejohanan dengan penuh semangat dan komitmen,” katanya di laman rasmi, semalam.

Dato' Md Anizam memaklumkan, penganjuran Liga Veteran oleh Pejabat Pusat DUN Kema-

hang pula merupakan tanda penghargaan kepada pemain-pemain veteran yang masih aktif menyumbang kepada pembangunan bola sepak di kawasan berkenaan.

Tambahnya, pengalaman luas serta semangat tinggi yang dipamerkan pemain veteran diharap menjadi teladan kepada pemain Liga Elit, khususnya dalam aspek disiplin, semangat kesukanan dan saling menghormati di dalam serta di luar padang.

Beliau berharap kejohanan yang

berlangsung sepanjang musim itu mampu mencapai matlamat melahirkan lebih ramai bakat tempatan, mengeratkan silaturahmi masyarakat serta memperkukuhkan budaya sukan sihat dalam kalangan penduduk DUN Kemahang.

“Semoga Liga Elit dan Liga Veteran DUN Kemahang 2026 menjadi medan melahirkan pemain berkualiti yang mampu mengharumkan nama DUN Kemahang dan Negeri Kelantan pada masa hadapan,” ujarnya.



Pentadbiran Islam boleh pilih pandangan pelbagai mazhab demi maslahat rakyat

Pasukan Liga Elit DUN Wakaf Bharu mesti pertahan kejuaraan Piala Menteri Besar Kelantan - YB Mohd Rusli

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 26 Julai – Pasukan yang bakal muncul juara Liga Elit DUN Wakaf Bharu 2026 diseru mempertahankan kejuaraan Piala Menteri Besar Kelantan yang dimenangi musim lalu.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah berkata, harapan itu disandarkan kepada semangat juang dan komitmen tinggi pemain yang menyertai Liga Elit DUN Wakaf Bharu.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kejohanan Bola Sepak Liga Elit DUN Wakaf Bharu pada 23 Julai.

Menurutnya, kejohanan yang menghimpunkan sepuluh pasukan itu ialah platform pembangunan



bola sepak akar umbi yang mampu mencungkil lebih ramai bakat baharu.

“Saya cukup gembira melihat semangat anak-anak muda mengambil bahagian dalam kejohanan ini.

“Semoga Liga Elit DUN terus menjadi medan melahirkan

lebih ramai pemain berbakat dan menyemarakkan lagi bola sepak di Wakaf Bharu,” katanya di laman rasmi, pada Khamis.

Beliau menyeru setiap pasukan memanfaatkan kejohanan tersebut untuk mempamerkan prestasi terbaik serta mengamalkan semangat kesukanan sepanjang saingan ber-

langsung.

Pada masa sama, beliau mengucapkan selamat maju jaya kepada semua pasukan yang bertanding dan berharap Liga Elit DUN Wakaf Bharu terus menjadi pemangkin kepada pembangunan sukan bola sepak serta penyatuan belia di kawasan berkenaan.



Kelantan sedia bantu permudah laluan pembangunan atlet pekak



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 27 Julai - Kerajaan Kelantan bersedia membantu mempermudah laluan pembangunan atlet pekak di negeri ini mengikut kemampuan yang ada, kerana golongan itu berdepan kekangan dari segi pembiayaan berikutan tidak bertanding dalam temasya sukan arus perdana.

Exco Belia, Sukan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, kategori atlet

pekak tidak dipertandingkan dalam Sukan Malaysia (SUKMA) mahupun Para SUKMA sebaliknya menyertai Sukan Orang Pekak Malaysia (SOPMA).

Katanya, keadaan itu menyebabkan sokongan pembiayaan kepada atlet pekak lebih terhad walaupun mereka memiliki semangat serta potensi yang tidak kurang hebat berbanding atlet lain.

“Ramai yang mungkin belum tahu, cabaran yang dipikul oleh atlet pekak sebenarnya agak men-

cabar.

“Apabila mereka tidak berada dalam temasya arus perdana, sokongan dari segi pembiayaan menjadi terhad, sedangkan semangat dan potensi bakat yang ada pada mereka tidak kurang hebatnya.

“Insya Allah, setakat kemampuan yang ada, kita akan bantu permudahkan jalan buat sahabat-sahabat Kelsdeaf,” katanya dalam media sosial, pada Ahad.

YB Zamakhshari turut me-

negaskan sukan adalah hak milik semua dan tiada sesiapa yang sepatutnya ditinggalkan daripada peluang untuk bergiat aktif dalam bidang itu.

Terdahulu, beliau menerima kunjungan daripada Kelantan Deaf Sports Association (Kelsdeaf) di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim bagi mendengar serta membincangkan perkara berkaitan pembangunan sukan warga pekak di Kelantan.

